

KENYATAAN MEDIA
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

“PEMAKLUMAN PENGGANTIAN KAMERA *AUTOMATED AWARENESS SAFETY SYSTEM* (AwAS)”

Putrajaya, 8 Ogos 2024 – Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia ingin memaklumkan bahawa JPJ sedang melaksanakan penggantian kamera *Automated Awareness Safety System* (AwAS) melibatkan kamera AwAS sedia ada secara berfasa di lokasi-lokasi yang telah diwartakan.

Penggantian kamera AwAS ini adalah selaras dengan penambahbaikan sistem kamera AwAS sedia ada selari dengan perubahan teknologi terkini yang menggunakan teknologi *Automated Number Plate Recognition* (ANPR) bagi memastikan kamera tersebut beroperasi dengan lebih baik. Penggantian ini melibatkan kamera model Redflex yang perlu ditukar atas faktor kerosakan major dan tidak mendapat sokongan daripada pihak prinsipal.

Pengoperasian kamera AwAS adalah untuk memastikan penguatkuasaan yang melibatkan kesalahan memandu melebihi had laju dan gagal mematuhi lampu isyarat berdasarkan peruntukan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) selaras untuk mengurangkan statistik kemalangan dan kematian akibat nahas jalan raya.

JPJ menyeru dan memohon kerjasama semua pengguna jalan raya mengambil langkah mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan dan bertoleransi dengan pengguna jalan raya yang lain demi keutamaan keselamatan diri dan keluarga ketika di jalan raya. Jabatan ini juga sentiasa komited untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan pengguna jalan raya sentiasa terpelihara seterusnya berada pada tahap yang terbaik.

**KETUA PENGARAH PENGANGKUTAN JALAN
MALAYSIA**
8 OGOS 2024

[TAMAT]

KAMERA AUTOMATED AWARENESS SAFETY SYSTEM (AWAS) BAHARU

